

Khamis, Dis 13 2018

Ambil kira kos sara hidup berbeza di Malaysia

BH 13/12/18

Kuala Lumpur: Dasar gaji minimum tidak boleh dilaksanakan secara menyeluruh, sebaliknya perlu mempunyai kadar berbeza bergantung kepada kos sara hidup berlainan di Malaysia.

Ketua Pengarang dan Felo Kanan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Dr Lim Lin Lean, berkata setiap negeri di Malaysia mempunyai kos sara hidup berbeza dan dasar gaji minimum perlu mengambil kira perkara itu untuk memastikan ia akan memberi manfaat kepada penerima.

“Majikan tidak boleh membayar jumlah gaji minimum sama kepada pekerja yang bekerja di Kuala Lumpur dan Sarawak kerana kedua-dua bandar itu mempunyai kadar kos sara hidup berbeza.

“Malaysia sudah menandatangani Konvensyen Standard Buruh Antarabangsa (ILO) berhubung gaji minimum dan konvensyen itu menawarkan asas berbeza mengenai cara menentukan gaji minimum.

"Melangkah ke hadapan, kita sememangnya perlu ke arah mewujudkan gaji sara hidup berbanding gaji minimum," katanya kepada pemberita selepas Pelancaran Laporan Kajian Peralihan Sekolah ke Pekerjaan (SWTS), di sini, semalam.

Ditanya jika majikan di Malaysia mampu membayar kadar gaji sara hidup, Lin Lean berkata, kebanyakan daripada mereka menggunakan alasan tidak mampu seterusnya mengambil pekerja asing.

Tak mampu bayar gaji sekadar alasan

"Ini adalah sama seperti mereka (majikan) mengatakan bahawa perlunya menggunakan pekerja asing, berbanding menggunakan teknologi atau berinovasi, yang mana ia membolehkan majikan menawarkan gaji lebih baik serta menambah baik produktiviti.

"Justeru, saya rasa jawapan itu (tidak mampu bayar gaji sara hidup) adalah sekadar alasan," katanya.

Sementara itu, laporan SWTS oleh KRI adalah berdasarkan kajian berhubung golongan muda berusia 15 tahun hingga 29 tahun dalam sistem pendidikan dan pasaran kerja.

Ia dilancarkan oleh Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Seri Shahril Ridza Ridzuan.



Setiap negeri
di Malaysia
mempunyai

kos sara hidup
berbeza dan dasar gaji
minimum perlu mengambil
kira perkara itu untuk
memastikan ia akan memberi
manfaat kepada penerima”
